

Penduduk dan Keluarga: Penemuan Kajian Penduduk dan Keluarga Keempat

Dato' Aminah Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

Dan

Ahmad Hashimi Mohammad
Perangkawan
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan penemuan-penemuan penting Kajian Penduduk dan Keluarga Keempat yang dilaksanakan oleh LPPKN pada tahun 2004. Kajian ini merupakan yang ke empat dalam siri Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (KPKM) yang dijalankan setiap sepuluh tahun sekali semenjak tahun 1974. Pada tahun 2004, kajian ini buat pertama kalinya telah dilaksanakan secara serentak untuk seluruh Malaysia. Berbeza dengan KPKM yang lepas, KPKM-4 ini menemuduga isi rumah yang terdiri daripada lima (5) kategori iaitu: (a) Wanita yang berumur 15 hingga 49 tahun, (b) Suami kepada wanita yang masih berkahwin, (c) Remaja yang berumur 13 hingga 24 tahun, (d) Warga berumur 50 tahun ke atas, dan (e) penduduk bujang berumur 25 hingga 49 tahun. Kajian ini bertujuan menyediakan data siri masa berkaitan maklumat demografi dan sosio-ekonomi khususnya pertalian di antara kependudukan, kekeluargaan dan reproduksi manusia dengan pembangunan. Hasil kajian digunakan untuk menilai keberkesanan program-program pembangunan sedia ada dan juga dijadikan input dalam penyediaan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9). Dalam kajian ini penganalisan data dilakukan bagi ketiga-tiga kawasan secara berasingan. Antara penemuan penting termasuklah: 1) Struktur umur penduduk, 2) beban tanggungan, 3) Perkahwinan yang semakin dilewatkan, 4) Kesuburan, 5) Perancangan keluarga, 6) Amalan kesihatan, 7) Komposisi isi rumah, 8) Penyertaan tenaga buruh wanita, 9) Penjagaan anak, 10) Warga tua, dan 11) Perilaku sosial dan seksual remaja.

LATAR BELAKANG

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keempat (KPKM-4) pada tahun 2004 dengan pembiayaan daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. Kajian ini merupakan yang keempat dalam siri Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia yang dijalankan setiap sepuluh tahun sekali semenjak tahun 1974.

Siri pertama kajian ini ialah Penyiasatan Kesuburan dan Keluarga Malaysia telah dilaksanakan pada tahun 1974 dengan kerjasama di antara RAND Corporation yang menjalankan *World Fertility Survey (WFS)* bersama LPPKN dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Kumpulan sasaran pada masa ini hanya kepada wanita 50 tahun ke bawah. Seterusnya pada tahun 1984, siri kedua Penyiasatan Penduduk dan Keluarga telah dijalankan dengan menambah kumpulan sasaran kepada penduduk berumur 18 tahun ke atas dan warga 50 tahun ke atas. Siri ketiga pada tahun 1994 merupakan kesinambungan siri kedua dengan mengekalkan kumpulan sasaran yang sama. Siri kajian terdahulu hanya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia sahaja. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia bagi Sabah dan Sarawak pertama kali dilaksanakan pada tahun 1989.

Pada tahun 2004, kajian ini buat pertama kalinya telah dilaksanakan secara serentak untuk seluruh Malaysia. Selain itu, kumpulan sasaran turut diperluaskan, di mana terdiri daripada Wanita Pernah Berkahwin Berumur 15 hingga 49 tahun, Suami Wanita yang Berkahwin, Remaja Berumur 13 hingga 24 tahun, Warga 50 tahun ke atas dan Penduduk Bujang 25 hingga 49 tahun.

Kajian ini bertujuan menyediakan data siri masa berkaitan maklumat demografi dan sosio-ekonomi khususnya pertalian di antara kependudukan, kekeluargaan dan reproduksi manusia dengan pembangunan. Hasil kajian digunakan untuk menilai keberkesanan program-program pembangunan sedia ada dan juga dijadikan input dalam penyediaan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9).

Rangka sampel Banci Penduduk dan Perumahan 2000 yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia telah digunakan. Sebanyak 18,852 unit tempat kediaman telah terpilih

dalam kajian ini berdasarkan kaedah pensampelan berstrata dua-peringkat. Unit pensampelan peringkat pertama adalah Blok Penghitungan (BP), sementara unit pensampelan kedua pula ialah Tempat Kediaman (TK) di dalam BP tersebut. Kerja lapangan dilaksanakan dari bulan Jun hingga November 2004 dan telah berjaya meliputi 11,616 isi rumah yang terdiri daripada 6,082 di Semenanjung, 2,681 di Sabah dan 2,853 di Sarawak. Bilangan responden yang diliputi terdiri daripada 5 kategori iaitu Wanita Pernah Berkahwin Berumur 15 hingga 49 tahun (7248 orang), Suami Wanita yang Berkahwin (5258 orang), Remaja Berumur 13 hingga 24 tahun (3394 orang), Warga 50 tahun ke atas (3439 orang) dan Penduduk Bujang 25 hingga 49 tahun (1192 orang). (Sila rujuk Jadual 1).

Jadual 1 : Bilangan Isi Rumah dan Ahli Yang Diliputi Dalam Kajian KPKM-4

Kawasan	Bil. Isi Rumah	Bil. Ahli Isi Rumah	Wanita Pernah Berkahwin (15-49 tahun)	Suami	Remaja (13-24 tahun)	Warga 50+ (50 tahun ke atas)	Bujang (25-49 tahun)
Semenanjung	6,082	26,777	3,693	2,626	1,762	1,997	621
Sabah	2,681	13,243	1,656	1,324	916	608	261
Sarawak	2,853	12,616	1,899	1,308	716	834	310
Jumlah	11,616	52,631	7,248	5,258	3,394	3,439	1,192

Dalam kajian ini penganalisan data dilakukan bagi ketiga-tiga kawasan secara berasingan. Dengan cara ini, analisis secara terperinci dan perbandingan di antara kawasan dapat dilakukan dengan lebih tepat.

PENEMUAN KAJIAN

Struktur Umur : Muda Tetapi Menuju Ke Arah Penuaan

Kebanyakan penemuan KPKM-4 didapati tidak jauh atau hampir tepat dengan data-data seperti data banci dan unjuran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia terutama dari segi kadarannya. Secara keseluruhannya penduduk Malaysia adalah sederhana muda. Peratusan penduduk muda yang berumur 15 tahun ke bawah mengikut kajian ini masih

melebihi 30.0 peratus. Peratusan penduduk muda ini adalah paling tinggi di Sabah (39.2%) berbanding Sarawak (34.4%) dan Semenanjung Malaysia (32.3%). Jika dibandingkan dengan anggaran yang dikeluarkan pada tahun yang sama berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan, 2000, peratusanya tidak berbeza dengan ketara di mana penduduk muda di Semenanjung mencatat 32.4 peratus, manakala di Sabah sebanyak 35.7 peratus dan di Sarawak sebanyak 32.4 peratus.

Walaupun demikian, penduduk Malaysia telah beransur-ansur menua disebabkan oleh penurunan fertiliti dan mortaliti. Penduduk warga tua berumur 65 tahun ke atas telah mencapai 5.5 peratus di Semenanjung, 5.4 peratus di Sarawak dan 3.5 peratus di Sabah. Peratusan ini adalah tinggi berbanding setengah-setengah negara ASEAN seperti Brunei (3.0%), Filipina (4.0%) dan Myanmar (5.0%). Namun peratusan ini masih lagi rendah berbanding Singapura (8.0%), Thailand (8.0%) dan Indonesia (6.0%).


Penduduk Sarawak mencatatkan umur median yang tertinggi iaitu 25 tahun, diikuti Semenanjung (24 tahun) dan Sabah (20 tahun).

Nisbah Tanggungan : Semakin Berat

Perubahan dalam struktur umur penduduk mempengaruhi nisbah tanggungan. Sabah mencatatkan nisbah tanggungan tertinggi iaitu 74.4 peratus diikuti Sarawak (66.0%) dan Semenanjung (60.8%). Beban menanggung penduduk muda adalah paling tinggi di Sabah, iaitu 68.4 peratus, manakala Sarawak dan Semenanjung masing-masing mencatatkan 57.1 dan 51.9 peratus. Beban menanggung penduduk tua hampir sama di Sarawak (8.9%) dan Semenanjung (8.8%) tetapi rendah sedikit di Sabah (6.0%).

Akibat penurunan kadar kematian, jangka hayat lelaki dan perempuan telah meningkat. Jangka hayat ketika umur 65 tahun untuk penduduk Malaysia keseluruhannya ialah 13 tahun bagi lelaki dan 15 tahun bagi perempuan. Peningkatan jangka hayat dan pertambahan peratusan warga tua mengakibatkan beban bagi penduduk kumpulan umur bekerja (15 hingga 64 tahun) menanggung seorang warga tua semakin berat iaitu seramai 11 orang mengikut kajian ini berbanding 15 orang dalam tahun 2000 (Carta 1).

Carta 1: Beban Menanggung Warga Tua



Masalah menanggung warga tua merupakan isu utama yang perlu dititikberatkan. Jangka hayat ketika umur 55 tahun ialah 21 tahun bagi lelaki dan 23 tahun bagi perempuan. Di kalangan penduduk yang berumur 55 tahun ke atas hanya satu pertiga yang masih bekerja (Jadual 2). Didapati ada di antara mereka yang masih perlu menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak dan ini akan menimbulkan kesulitan kewangan.

Jadual 2 : Peratus Penduduk Berumur 55 Tahun dan Ke Atas Yang Masih Bekerja


Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah
55-59	59.3	37.6	49.9
60-64	55.2	22.6	39.0
65-69	40.9	12.0	29.1
70-74	33.8	10.8	23.8
75+	20.3	4.9	12.9
Jumlah	45.7	20.4	34.3

Nuptialiti : Perkahwinan Semakin Dilewatkan


Kecenderungan lelaki dan perempuan untuk berkahwin pada umur lewat dapat dilihat pada min umur perkahwinan, di mana Semenanjung mencatatkan umur min yang paling tinggi bagi lelaki iaitu 28.9 tahun, diikuti Sarawak (27.4 tahun) dan Sabah (27.1 tahun). Corak yang sama dapat dilihat di kalangan perempuan, di mana Semenanjung mencatat 25.3 tahun,

diikuti Sabah, 23.5 tahun dan Sarawak, 23.3 tahun (Carta 2). Trend perkahwinan dilewatkan dapat dilihat pada min umur perkahwinan pertama bagi Semenanjung. Bagi lelaki, min umur perkahwinan pertama dilihat meningkat dari 26.9 tahun pada tahun 1984 kepada 28.9 tahun pada tahun 2004. Situasi yang sama turut berlaku kepada perempuan di mana min umur perkahwinan pertama telah meningkat dari 24.5 tahun pada tahun 1984 kepada 25.3 tahun pada tahun 2004 (carta 3).

Carta 2 : Min Umur Perkahwinan Pertama



Carta 3: Min Umur Perkahwinan Pertama, Semenanjung Malaysia, 1984 – 2004



Secara keseluruhannya, peratusan penduduk bujang yang berumur 25 hingga 34 tahun di Semenanjung adalah lebih tinggi iaitu 30.8 peratus berbanding Sarawak (26.9%) dan Sabah (25.0%).

Kajian khusus ke atas penduduk bujang berumur antara 25 dan 49 tahun mendapati tiga sebab utama mengapa golongan ini masih belum berkahwin iaitu masalah kewangan, tiada calon yang sesuai dan mementingkan kemajuan kerjaya. Masalah kewangan adalah sebab utama di kalangan lelaki terutamanya di Semenanjung (44.7%), diikuti Sabah (38.4%) dan Sarawak (35.4%). Manakala kesukaran mencari calon yang sesuai sebagai teman hidup merupakan masalah utama di kalangan perempuan terutamanya di Sarawak (49.3%), diikuti Semenanjung (40.0%) dan Sabah (38.0%) (Jadual 5). Kajian juga mendapati kira-kira 80.0 peratus daripada responden ini berhasrat untuk berkahwin dan 70.0 peratus berpendapat bahawa sesuatu program perlu diwujudkan untuk menggalakkan orang bujang berkahwin.

Peratus bercerai/berpisah adalah tinggi di Sabah sebanyak 6.9 peratus, Semenanjung 5.1 peratus dan Sarawak 2.6 peratus. Di Sabah, etnik Murut mencatatkan peratus bercerai/berpisah yang paling tinggi iaitu 2.3 peratus, manakala di Sarawak, etnik Iban mencatatkan peratusan yang paling tinggi (2.2%). Di Semenanjung, etnik India mencatatkan peratus yang paling tinggi iaitu 2.0 peratus, diikuti Melayu (1.4%) dan Cina (1.0%). Peratusan ini tidak berbeza dengan ketara dengan data Banci Penduduk, 2000. Beberapa sebab utama perceraian/perpisahan ialah tiada persefahaman, suami tidak bertanggungjawab, campur tangan mertua/ipar dan ketagihan dadah. Persepsi bahawa institusi keluarga adalah


rapuh tidak begitu tepat jika dilihat dari segi peratusan yang dicatatkan dalam kajian ini dan banci. Sungguhpun demikian, walaupun peratusan ini dilihat kecil, perceraian dan perpisahan tetap harus dielak kerana membawa kepada pelbagai masalah bukan sahaja kepada pasangan malah mungkin memberi impak jangka panjang kepada anak terutama ketika mereka membesar.

Secara keseluruhannya, amalan poligami adalah sedikit di seluruh Malaysia. Di Semenanjung hanya 1.1 peratus suami mengamalkan poligami, dan amalan ini lebih rendah lagi di Sabah (0.7%) dan Sarawak (0.4%).

Kesuburan : Bilangan Anak Semakin Menurun

Di Semenanjung, min bilangan anak dalam tempoh akhir umur kesuburan, iaitu 45-49 tahun, telah menurun daripada 4.9 orang pada tahun 1994 kepada 3.9 orang pada tahun 2004 (Carta 4).


Carta 4 : Min Bilangan Anak Bagi Wanita Berumur 45-49 Tahun, Semenanjung Malaysia, 1974 – 2004.



Wanita Melayu berumur 45-49 tahun mencatatkan penurunan min bilangan anak daripada 5.6 orang pada tahun 1994 kepada 4.7 pada tahun 2004. Trend yang sama turut dialami oleh etnik India (4.6 kepada 3.3) dan Cina (3.7 kepada 3.0) untuk tempoh yang sama. Penurunan min bilangan anak yang dilahirkan adalah ketara di kalangan wanita berumur 30 tahun ke atas.


Di kalangan wanita berumur 35-49 tahun, terdapat hampir empat peratus tidak pernah melahirkan anak, 6.3 peratus hanya mempunyai seorang anak, 60.8 peratus mempunyai anak antara dua hingga empat orang dan 29.0 peratus mempunyai sekurang-kurangnya lima orang anak (Carta 5).

Carta 5 : Taburan Peratus Wanita Berumur 35-49 Tahun Mengikut Bilangan Anak Yang Dilahirkan, Semenanjung Malaysia



Peningkatan taraf pendidikan merupakan faktor penting yang mempengaruhi penurunan kesuburan bagi semua kumpulan etnik (Carta 6).

Carta 6 : Min Bilangan Anak Yang Dilahirkan Mengikut Kumpulan Etnik dan Pendidikan, Semenanjung Malaysia



Perancangan Keluarga : Perkhidmatan Masih Diperlukan

Secara keseluruhannya, peratus wanita yang sedang mengamalkan sebarang kaedah perancangan keluarga adalah hampir sama di Sarawak (53.0%), Semenanjung (51.9%) dan Sabah (50.4%).

Kajian mendapati wanita di Sarawak mencatatkan peratus tertinggi mengamalkan kaedah moden iaitu 42.36 peratus diikuti Sabah (37.4%) dan Semenanjung (34.3%). Antara kaedah moden yang paling popular di Sarawak ialah pil (43.3%) dan tubaligasi (15.2%). Dua kaedah ini turut popular di Sabah dengan 44.1 dan 12.4 peratus. Namun begitu, terdapat tiga kaedah moden yang banyak digunakan di Semenanjung iaitu penggunaan pil (26.8%), kondom (14.3%) dan tubaligasi (12.7%). Bagi kaedah bukan moden, cara waktu selamat adalah popular di Semenanjung (17.9%), Sabah (14.5%) dan Sarawak (11.7%).

Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan sumber utama mendapatkan bekalan kontraseptif di Sabah (55.2%) dan Sarawak (52.5%). Berlainan pula di Semenanjung di mana sumber bekalan kontraseptif lebih banyak diperolehi dari klinik/hospital swasta (38.3%) berbanding klinik kerajaan iaitu klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (25.6%) dan LPPKN (3.8%).

Di kalangan wanita yang tidak pernah mengamalkan perancangan keluarga di Semenanjung, mereka memberikan dua sebab utama iaitu mereka ingin hamil (39.3%) atau takut akan kesan sampingan (26.8%) (Jadual 3).

Kajian ini juga mendapati lebih daripada 60.0 peratus isteri membuat keputusan bersama dengan suami untuk mengamalkan perancangan keluarga dan kurang daripada 20.0 peratus sahaja yang membuat keputusan sendiri (Jadual 4).

Jadual 3 : Sebab-sebab Tidak Pernah Menggunakan Sebarang Kaedah Kontraseptif

Sebab-Sebab	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Ingin Hamil	39.3	50.3	42.3
Suami Tidak Benarkan	12.5	4.9	9.2
Masalah Perubatan	5.4	5.2	4.7
Takut Pada Kesan Sampingan	26.8	27.8	28.9
Lain-Lain	15.9	11.9	15.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Jadual 4 : Pembuat Keputusan Dalam Penggunaan Kaedah Perancang Keluarga

Pembuat Keputusan	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Suami	17.0	6.1	9.3
Isteri	14.2	11.8	17.0
Suami Isteri	68.7	81.8	73.0
Lain-Lain	0.2	0.2	0.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Hampir 57.0 peratus wanita yang berkahwin, tidak ingin melahirkan anak lagi, dan di kalangan mereka terdapat sekitar 44.0 peratus tidak menggunakan sebarang kaedah kontraseptif. Pada keseluruhannya, satu perempat wanita berkahwin di Semenanjung mempunyai *unmet needs for contraception*.

Amalan Kesihatan Wanita : Berada Pada Tahap Yang Memuaskan

Pemeriksaan payudara dilakukan untuk mengesan kanser payudara dan ia boleh dilakukan sendiri oleh setiap wanita sebelum menjalani pemeriksaan susulan di klinik/hospital. Di kalangan wanita pernah berkahwin dalam kumpulan umur 15-49 tahun, lebih daripada 60.0 peratus pernah menjalani Pemeriksaan Sendiri Payudara (PSP); peratusan ini tidak banyak berbeza bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Namun begitu, dalam tempoh tiga bulan sebelum kajian dijalankan, mereka yang melakukan PSP di Sabah mencatatkan peratus terendah, iaitu 39.2 peratus, berbanding Semenanjung (45.3%) dan Sarawak (43.7%).

Selain melakukan pemeriksaan sendiri payudara, mereka juga sepatutnya membuat pemeriksaan di klinik/hospital untuk keputusan yang lebih tepat. Walaupun peratusan wanita yang pernah menjalani pemeriksaan di klinik/hospital adalah tinggi, namun ia menunjukkan penurunan bagi mereka yang melakukan pemeriksaan dalam tempoh tiga bulan sebelum kajian dijalankan (Jadual 5). Di samping itu, masih terdapat wanita yang tidak pernah

melakukan pemeriksaan ini terutamanya dalam kumpulan umur kurang dari 25 tahun di ketiga-tiga kawasan (Jadual 6).

Jadual 5 : Peratus Wanita Yang Pernah Menjalani Ujian Saringan Kesihatan

Perkara	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Pernah menjalani Pemeriksaan Sendiri Payudara (PSP)	69.5	67.1	63.0
Menjalani PSP dalam tempoh 3 bulan sebelum kajian	45.3	39.2	43.7
Pernah menjalani pemeriksaan payudara di klinik/hospital	53.2	61.1	61.6
Menjalani pemeriksaan payudara di klinik/hospital dalam tempoh 3 bulan sebelum kajian	16.4	22.5	28.9
Pernah menjalani Pemeriksaan Pap Smear	50.6	49.7	54.9

Jadual 6 : Peratus Wanita Yang Tidak Pernah Menjalani Pemeriksaan Payudara Di Klinik


Kawasan	15-19	20-24	25-29	30-34	35-39	40-44	45-49
Semenanjung	57.1	50.2	45.6	45.7	47.1	47.4	45.9
Sabah	55.3	49.0	43.1	35.5	33.4	36.3	39.7
Sarawak	56.8	47.9	38.7	39.1	30.0	36.0	44.0

Keluarga : Keluarga Asas Semakin Meningkatkan

Kajian ini mendapati 69.3 peratus keluarga di Semenanjung adalah terdiri daripada keluarga asas, manakala kadarannya rendah sedikit di Sabah (65.8%) dan Sarawak (61.6%) (Carta 7). Purata bilangan ahli isi rumah ialah 4.5 orang. Kajian menunjukkan terdapat kecenderungan membentuk keluarga asas, dan hal ini dikhuatiri mengurangkan sokongan keluarga khususnya dalam hal penjagaan anak dan bantuan kepada warga tua. Peningkatan keluarga asas berkait rapat dengan faktor migrasi dan jenis perumahan khususnya di kawasan bandar

di mana semakin ramai yang menetap di kondominium atau pangsapuri yang mempunyai tiga buah atau kurang bilik tidur.


Carta 7 : Jenis Isi Rumah



Tenaga Buruh : Penglibatan Wanita Semakin Meningkat

Proses pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat telah membuka ruang dan peluang yang luas kepada wanita melibatkan diri dalam tenaga buruh. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita telah meningkat daripada 46.7 peratus pada tahun 2000 kepada 50.4 peratus pada tahun 2004 di Semenanjung Malaysia dan trend yang sama turut berlaku di Sabah. Walau bagaimanapun trend yang sebaliknya terdapat di Sarawak, di mana berlakunya penurunan daripada 55.3 peratus pada tahun 2000 kepada 45.7 peratus pada tahun 2004 (Carta 8). Walaupun kadar bagi ketiga-tiga kawasan pada puratanya telah meningkat, namun kadar ini masih lagi rendah berbanding Thailand (65.6%) dan Singapura (54.3%).


Carta 8 : Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita



Penjagaan Anak : Bergantung Pada Datuk/Nenek Dan Lain-lain Ahli Keluarga

Mengenai aturan penjagaan anak yang berumur di bawah 7 tahun di kalangan wanita bekerja di Semenanjung, 19.1 peratus menjaga sendiri dan 37.7 peratus mendapatkan bantuan lain-lain ahli keluarga seperti suami, ibu bapa dan lain-lain. Bentuk penjagaan yang hampir sama didapati di Sabah dan Sarawak di mana 23.2 peratus dan 17.12 peratus menjaga sendiri (Carta 9). Penjagaan anak oleh wanita sendiri adalah lebih ketara di kawasan luar bandar di mana bentuk pekerjaan boleh disesuaikan dengan penjagaan.


Carta 9 : Bentuk Penjagaan Anak Di Kalangan Wanita Bekerja



Seperti yang ditunjukkan dalam Carta 9, di Semenanjung, jiran merupakan pembantu yang penting dalam penjagaan anak (14.5%), tetapi keadaan ini kurang ketara di Sabah (4.4%) dan

Sarawak (4.5%). Didapati pusat jagaan kanak-kanak kurang berperanan di Semenanjung (10.6%) dan juga Sabah (6.6%) dan Sarawak (11.1%). Walaupun demikian, ramai wanita berkehendak kepada khidmat pusat penjagaan terutama di tempat kerja. Hampir 50.0 peratus daripada wanita yang bekerja di kawasan Semenanjung, Sabah, dan Sarawak mengharapkan supaya majikan mereka menyediakan pusat jagaan anak di tempat kerja. Bentuk sokongan lain yang diharapkan oleh wanita bekerja daripada majikan mereka ialah kemudahan cuti untuk menjaga anak dan memberi subsidi kos penjagaan anak (Carta 10).

Carta 10: Bentuk Sokongan Yang Diperlukan Daripada Majikan



Seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan 29, penyertaan tenaga buruh di kalangan wanita telah meningkat dan ini secara langsung telah menambah bilangan pasangan suami-isteri yang bekerja. Bagi pasangan yang bekerja, masalah utama yang dihadapi ialah tentang

penjagaan anak, di mana isteri terpaksa berhenti kerja untuk menjaga anak. Di Semenanjung, 56.2 peratus daripada wanita yang berhenti kerja menyatakan masalah penjagaan anak sebagai sebab utama, dan trend ini hampir serupa di Sabah (50.7%) dan Sarawak (59.4%).

Warga Tua : Satu Daripada Setiap Empat Orang Tinggal Bersendirian

Walaupun peringkat antarabangsa mentakrifkan warga tua sebagai mereka yang berumur 65 tahun ke atas, namun di Malaysia warga tua ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Secara keseluruhannya sekitar satu daripada setiap empat orang warga tua tinggal bersendirian dan didapati peratusan wanita adalah lebih tinggi di semua kawasan (Jadual 7a, 7b, 7c).

Jadual 7a : Warga Tua Yang Tinggal Bersendirian, Semenanjung

Umur	Ibu	Bapa	Ibu Mertua	Bapa Mertua
60-64	26.1	25.0	21.5	11.1
65-69	31.1	34.6	38.3	24.1
70-74	24.4	17.3	17.4	27.8
75+	18.5	23.1	22.8	37.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Jadual 7b : Warga Tua Yang Tinggal Bersendirian, Sabah

Umur	Ibu	Bapa	Ibu Mertua	Bapa Mertua
60-64	32.1	20.0	20.0	8.0
65-69	32.1	36.0	40.0	28.0
70-74	17.9	16.0	22.9	32.0
75+	17.9	28.0	17.1	32.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Jadual 7c : Warga Tua Yang Tinggal Bersendirian, Sarawak

Umur	Ibu	Bapa	Ibu Mertua	Bapa Mertua
60-64	42.3	44.4	14.8	38.5
65-69	11.5	11.1	40.7	30.8
70-74	19.2	27.8	14.8	7.7
75+	26.9	16.7	29.6	23.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Interaksi yang baik dalam keluarga dapat dilihat daripada kekerapan ahli keluarga menziarahi ibubapa serta mertua, di mana sekitar 80.0 peratus anak-anak menziarah lebih daripada sekali untuk tempoh tiga bulan lepas.

Berkaitan dengan sumber kewangan menyara hidup warga tua, lebih ramai warga tua di Semenanjung bergantung kepada KWSP dan pencen berbanding di Sabah dan Sarawak (Jadual 8). Ini disebabkan pekerjaan di sektor formal lebih meluas di Semenanjung. Manakala simpanan sendiri di bank pula mencatatkan peratusan yang hampir sama di Semenanjung (47.3%), Sabah (37.1%) dan Sarawak (34.7%). Namun begitu, mereka yang mengambil insurans sebagai jaminan masa depan menunjukkan peratusan yang rendah bagi semua kawasan (Jadual 9).

Jadual 8 : Peratus Warga Tua Yang Bergantung Kepada Sumber Kewangan Yang Dinyatakan

Sumber Kewangan	Semenanjung	Sabah	Sarawak
KWSP	31.6	19.8	14.9
Pencen	15.3	12.4	11.4
Ganjaran/Imbuhan	11.4	12.2	9.4

Jadual 9 : Peratus Warga Tua Yang Membuat Simpanan Kewangan

Jenis Simpanan	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Bank	47.3	37.1	34.7
Tabung Haji	34.9	19.4	24.1
Saham / Pelaburan / Koperasi	15.3	10.8	24.9
Insurans	7.1	3.4	5.5

Bantuan dan perhatian daripada keluarga amatlah diharapkan oleh semua ibu bapa. Kebanyakan warga tua begitu mengharap bantuan daripada anak-anak terutamanya ketika mereka sakit; peratusan ini agak tinggi di semua kawasan (Jadual 10). Sementara itu, lebih daripada satu perempat warga tua di Semenanjung, Sabah dan Sarawak tidak pernah mendapat bantuan kewangan daripada anak-anak yang tinggal di tempat lain (Jadual 11).

Warga tua yang ditemubual memberikan pandangan tersendiri mengenai rumah orang tua dan pusat jagaan harian warga tua. Di Semenanjung, warga tua yang tidak bersetuju untuk tinggal di rumah orang tua mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 55.0 peratus berbanding Sabah

(41.0%) dan Sarawak (41.0%), manakala bagi pusat jagaan harian pula, separuh daripada mereka bersetuju dengan kemudahan tersebut.

Jadual 10 : Siapa Yang Diharapkan Oleh Warga Tua Ketika Sakit

Sumber Bantuan	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Tiada Siapa	6.8	2.8	4.7
Pasangan	20.7	18.7	21.7
Anak-anak	64.5	70.3	63.2
Adik Beradik Lain	1.2	1.7	1.6
Cucu	1.4	2.3	1.9
Saudara Mara	1.7	1.7	2.1
Jiran/ Rakan	0.8	1.7	1.6
Lain-lain	2.9	0.8	3.3
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Jadual 11 : Peratus Warga Tua Yang Tidak Pernah Mendapat Bantuan Kewangan Daripada Anak-anak Yang Tinggal Di Tempat Lain

Kawasan	Peratus
Semenanjung	26.0
Sabah	28.2
Sarawak	32.8

Keluargaan : Interaksi Keluarga Adalah Baik

Interaksi dan hubungan yang baik di antara ahli keluarga boleh membentuk sebuah keluarga yang harmonis dan bahagia. Secara keseluruhannya, hubungan sesama ahli keluarga di Malaysia boleh dikatakan baik, di mana majoriti suami dan isteri di semua kawasan berpendapat bahawa hubungan di antara sesama ahli keluarga adalah erat.

Hubungan yang erat dalam keluarga dapat membantu mewujudkan persefahaman yang baik antara ahli keluarga dan ini dapat dilihat dalam hal membuat keputusan dalam keluarga. Pada umumnya, majoriti suami dan isteri di semua kawasan membuat keputusan bersama dalam

hal berkaitan pendidikan anak, pembelian harta, percutian keluarga, membina/membeli rumah dan perbelanjaan isi.

Persefahaman baik antara ahli keluarga juga diperlukan dalam menghadapi atau menyelesaikan sebarang masalah keluarga terutama dalam keluarga yang mempunyai anak remaja. Secara keseluruhannya, bagi suami dan isteri di Semenanjung yang mempunyai anak remaja, masalah kewangan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh mereka dan diikuti dengan masalah yang berkaitan dengan anak remaja. Selain itu, masalah dengan pasangan dan ibubapa/mertua juga dihadapi oleh segelintir daripada mereka.

Masalah berkaitan anak remaja dapat dielakkan sekiranya ibubapa memberi perhatian penuh terhadap setiap tingkah laku anak remaja, dan salah satu caranya ialah dengan kerap berbincang mengenai masalah yang dihadapi oleh remaja atau tentang kegiatan harian mereka. Pada umumnya, majoriti ibubapa menyatakan kerap berbincang dengan anak mereka dalam hal seperti pendidikan, pergaulan dengan kawan, dan perbelanjaan. Walau bagaimanapun, didapati ibu lebih kerap berbincang dengan anak remaja mereka berbanding bapa terutama dalam masalah peribadi (Jadual 12). Secara keseluruhannya, kekerapan berbincang ini juga membantu dalam membentuk perhubungan yang baik antara ibubapa dengan anak remaja mereka, di mana lebih 80.0 peratus ibubapa di semua kawasan menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang masalah dengan anak remaja mereka.

Jadual 12 : Peratus Suami Dan Isteri Yang Pernah Berbincang Dengan Anak Remaja

Suami/Isteri	Topik	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Suami	Pendidikan	93.4	97.5	95.0
	Pergaulan Dengan Kawan	88.3	92.7	90.9
	Perbelanjaan	86.8	94.3	92.5
	Masalah Peribadi	69.4	84.7	75.1
	Cara Berpakaian	75.7	87.3	82.0
	Cita-cita	74.1	84.0	80.3
	Teman Istimewa	32.5	42.1	36.6
Isteri	Pendidikan	94.1	97.4	94.5
	Pergaulan Dengan Kawan	91.3	94.6	90.4
	Perbelanjaan	89.0	96.0	93.1
	Masalah Peribadi	81.0	87.1	80.7
	Cara Berpakaian	81.4	89.9	85.1
	Cita-cita	79.4	87.5	79.7
	Teman Istimewa	49.1	50.7	42.8

Penerapan nilai-nilai murni mampu membentuk budi pekerti anak. Terdapat beberapa nilai murni yang diterapkan kepada anak-anak seperti hormat-menghormati, jujur, amanah, bertaqwa, berilmu, berdisiplin dan bersyukur. Didapati mementingkan ilmu dan hormat-menghormati adalah nilai utama yang diterapkan kepada anak-anak oleh majoriti ibu di semua kawasan. Sepertimana ibu, majoriti bapa di Sabah dan Sarawak juga menerapkan nilai-nilai berilmu dan hormat-menghormati, namun berbeza sedikit di Semenanjung di mana bapa lebih menekankan nilai taat kepada suruhan tuhan dan berilmu (Jadual 13).

Jadual 13 : Peratus Suami Dan Isteri Yang Menerapkan Nilai Murni Kepada Anak Yang Berumur 13-24 Tahun

Suami/Isteri	Nilai-nilai Murni	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Suami	Hormat Menghormati	19.2	24.3	26.9
	Jujur	6.1	2.1	4.6
	Amanah	1.7	1.2	1.4
	Bertaqwa	35.6	19.0	9.7
	Berilmu	25.8	40.1	35.5
	Displin	11.0	11.1	20.1
	Bersyukur	0.6	2.3	1.9
Isteri	Hormat Menghormati	23.7	24.9	27.2
	Jujur	8.6	3.1	5.0
	Amanah	3.1	2.1	2.1
	Bertaqwa	22.0	14.2	6.9
	Berilmu	22.9	39.7	34.8
	Displin	19.3	15.1	22.5
	Bersyukur	0.5	0.9	1.5

Perilaku Remaja

Isu perilaku sosial di kalangan remaja khususnya yang negatif telah mendapat perhatian semua. Ini ternyata dengan kejadian salahlaku sosial semakin banyak dilaporkan dan dibincangkan dalam media massa. Remaja di Semenanjung mencatat peratusan tertinggi iaitu 13.5 peratus yang tetap akan keluar sehingga larut malam walaupun dilarang oleh ibubapa mereka berbanding Sabah (12.0%) dan Sarawak (11.3%). Perlakuan ini mungkin menyebabkan remaja menyertai lumba haram di mana 2.9 peratus remaja di Semenanjung melakukan aktiviti tersebut tanpa izin ibubapa. Peratusan remaja yang merokok juga agak tinggi terutamanya di Sarawak (12.7%) berbanding Sabah (10.4%) dan Semenanjung (9.7%).

Di samping itu, budaya gangsterism mula mempengaruhi pemikiran remaja, di mana 1.5 peratus remaja terlibat dalam gejala ini walaupun dilarang oleh ibu bapa (Jadual 14).

Jadual 14 : Peratus Remaja Melakukan Kegiatan Sosial Tertentu Walaupun Dilarang Ibu Bapa

Perilaku Sosial	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Keluar Hingga Larut Malam	13.5	12.0	11.3
Terlibat Dalam Kegiatan Gangsterism	1.5	1.1	1.3
Menyertai Lumba Haram	2.9	1.4	1.1
Merokok	9.7	10.4	12.7
Menagih Dadah	1.3	0.3	0.3

Peratusan remaja di Semenanjung yang melihat gambar lucu ialah 18.6 peratus, menonton video lucu 10.1 peratus dan membaca majalah lucu 7.9 peratus. Corak yang sama juga dapat dilihat di Sabah dan Sarawak. Majoriti remaja memperolehi bahan-bahan lucu ini daripada kawan, internet dan membeli sendiri. Lebih daripada 80.0 peratus remaja di Semenanjung memperolehi majalah lucu daripada kawan dan dengan membeli sendiri. Corak yang sama juga dapat dilihat di Sabah dan Sarawak. Lebih daripada 70.0 peratus remaja di Semenanjung memperolehi gambar dan video lucu daripada kawan dan juga internet. Begitu juga di Sabah dan Sarawak (Jadual 15 & Jadual 16).

Jadual 15 : Peratus Remaja Yang Terlibat Dengan Bahan Lucu

Jenis Bahan Lucu	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Majalah	7.9	6.8	3.9
Gambar	18.6	22.2	14.3
Video	10.1	10.1	7.5

Jadual 16 : Perolehan Bahan Lucu Oleh Remaja

Sumber	Semenanjung			Sabah			Sarawak		
	Majalah	Gambar	Video	Majalah	Gambar	Video	Majalah	Gambar	Video
Beli	14.8	6.1	8.8	41.6	8.3	5.6	50.7	6.7	16.3
Internet	4.8	31.8	10.6	0.8	16.2	4.1	4.2	19.4	7.6
Telefon Bimbit	0.0	2.1	0.0	0.0	3.7	0.0	0.0	0.8	0.0
Pusat Siber	1.5	2.4	1.4	0.0	2.6	1.3	0.0	1.5	0.0
Pinjam Dari									
Kawan	73.3	42.0	71.0	55.9	54.1	77.4	43.1	58.9	74.4
Lain-Lain	5.6	15.5	8.2	1.7	15.1	11.5	2.0	12.8	1.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Pengetahuan mengenai reproduksi manusia dan seksualiti boleh membantu golongan remaja daripada terlibat dalam gejala-gejala negatif seperti kes kehamilan luar nikah dan gejala sosial yang berkaitan dengan seksualiti. Kes-kes kehamilan luar nikah dan gejala sosial yang berkaitan dengan seksualiti di kalangan remaja perlu diberi perhatian. Hasil kajian mendapati bahawa remaja kurang mengetahui organ reproduktif mereka serta fungsinya (Jadual 17a, 17b dan 17c). Kurangnya ilmu pengetahuan ini mungkin melibatkan mereka kepada masalah seksualiti seperti hubungan seks luar nikah, penyakit kelamin, penderaan seksual dan sebagainya.

Jadual 17a : Peratus Remaja Yang Tidak Tahu Tentang Perihal Organ Reproduksi, Semenanjung

Organ Reproduksi	Lelaki Umur					Perempuan Umur				
	13-15	16-17	18-19	20-24	Jumlah	13-15	16-17	18-19	20-24	Jumlah
Kedudukan Janin										
Membesar	51.0	39.7	41.7	40.1	44.2	38.6	31.3	24.8	30.4	33.2
Saluran Bayi Dilahirkan	64.3	48.3	50.0	50.9	55.0	53.1	50.5	47.5	50.9	51.2
Faraj	63.8	41.7	50.9	53.2	54.2	58.6	46.2	55.0	51.9	53.7
Rahim	62.1	36.8	50.0	42.9	49.9	48.5	37.6	42.0	39.5	43.1
Buah Zakar	40.2	28.6	31.8	31.9	34.3	53.1	37.3	51.5	44.1	47.1
Zakar	54.7	30.6	40.0	40.9	43.6	55.1	41.5	44.1	41.3	47.3

Jadual 17b : Peratus Remaja Yang Tidak Tahu Tentang Perihal Organ Reproduksi, Sabah

Organ Reproduksi	Lelaki Umur					Perempuan Umur				
	13-15	16-17	18-19	20-24	Jumlah	13-15	16-17	18-19	20-24	Jumlah
Kedudukan Janin										
Membesar	60.5	37.0	50.0	38.5	48.8	53.8	32.1	32.3	22.8	39.1
Saluran Bayi Dilahirkan	75.4	53.3	67.7	54.1	64.5	73.6	62.4	51.6	46.7	62.2
Faraj	69.2	48.9	59.7	58.2	61.1	68.1	56.0	61.3	69.6	64.5
Rahim	64.6	53.3	46.8	47.5	55.6	58.2	46.8	38.7	48.9	50.8
Buah Zakar	56.9	35.9	32.3	37.7	44.6	57.7	51.4	51.6	56.5	55.1
Zakar	62.1	29.3	37.1	39.3	46.5	63.7	45.0	40.3	42.4	51.5

Jadual 17c : Peratus Remaja Yang Tidak Tahu Tentang Perihal Organ Reproduksi, Sarawak

Organ Reproduksi	Lelaki Umur					Perempuan Umur				
	13-15	16-17	18-19	20-24	Jumlah	13-15	16-17	18-19	20-24	Jumlah
Kedudukan Janin										
Membesar	58.0	40.7	43.7	45.7	48.6	46.9	23.4	31.7	26.3	35.9
Saluran Bayi Dilahirkan	67.2	51.2	57.8	61.7	60.5	61.2	48.1	45.0	31.6	50.8
Faraj	66.4	48.8	56.2	49.4	56.6	65.0	44.2	43.3	52.6	54.8
Rahim	59.5	44.2	43.7	43.2	49.4	51.9	28.6	48.3	33.3	43.2
Buah Zakar	45.0	26.7	37.5	40.7	38.4	50.0	46.8	41.7	43.9	46.9
Zakar	60.3	40.7	34.4	38.3	46.1	56.2	41.6	43.3	50.4	48.3

Hampir 90.0 peratus remaja mengetahui tentang HIV/AIDS. Di Semenanjung, medium utama remaja memperoleh maklumat tersebut adalah melalui TV/Radio (67.4%), akhbar (41.8%) dan guru/rakan sekolah (25.9%). Tren yang sama juga dapat dilihat di Sabah dan Sarawak. Hanya sebilangan kecil sahaja yang memperoleh maklumat daripada internet dan juga pameran-pameran yang dianjurkan. Walaupun begitu, masih terdapat lagi remaja yang tidak melindungi diri mereka daripada tingkahlaku seks yang berisiko.

Kajian mendapati hampir satu perempat remaja di semua kawasan mempunyai atau mengenali rakan mereka yang tertarik sesama jantina. Mereka berpendapat bahawa cara hidup homoseksual ini tidak ada salahnya. Selain itu, terdapat juga remaja yang mengaku pernah mengadakan hubungan seks terutamanya di Sarawak (2.8%) dan diikuti masing-masing 2.2 peratus di Semenanjung dan Sabah (Jadual 18). Remaja perlu didedahkan dengan maklumat yang tepat dan disemaikan nilai-nilai positif yang berhubung dengan tingkahlaku seks.

Jadual 18: Peratus Remaja Terlibat Dalam Aktiviti Seksual

Penglibatan Aktiviti Seksual	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Melakukan Hubungan Seks	2.2	2.2	2.8
Diperkosa/Diliwat	0.3	0.4	0.4
Mengenali Orang Lain Tertarik Sesama Jantina	13.9	15.0	15.2
Tertarik Sesama Jantina	0.9	0.8	0.6
Tidak Membantah Cara Hidup Homoseksual	16.7	16.1	12.9

PERAKUAN DAN CADANGAN

Akibat daripada perubahan struktur umur dan bebanan menanggung warga tua yang semakin berat. Antara perkara yang harus diambil tindakan oleh pihak yang berkuasa adalah:

- (i) Struktur pekerjaan khususnya bagi warga tua dikaji dengan mendalam supaya dapat dilaksanakan kadar upah dan masa kerja yang fleksibel agar mereka boleh terus bekerja;
- (ii) Menggubal skim pencen dan imbuhan persaraan yang lebih komprehensif untuk meliputi sektor formal dan bukan formal;
- (iii) Menggalak dan memudahkan penyertaan warga tua dalam kerja-kerja komuniti melalui kerjasama antara agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan; dan
- (iv) Mewujudkan *Long-Term Care* kepada warga tua yang tidak berkeupayaan seperti penjagaan dan bantuan kesihatan.

Isu perkahwinan yang semakin dilewatkan di kalangan perempuan mahupun lelaki perlu diberi perhatian.

- (i) Institusi keluarga terus dipertahankan dan usaha mencari jodoh bagi golongan tertentu, sekiranya perlu;
- (ii) Menggalakkan pelaburan awal di kalangan warga muda lebih bersedia dalam perkahwinan.
- (iii) Menilai keberkesanan kursus-kursus perkahwinan yang sedia ada dan menambah nilai (*value add*) kepada strategi pelaksanaan/pengisian ; dan
- (iv) Program *Marriage Enrichment* dilaksanakan dengan lebih meluas.

Bagi mengatasi masalah kesuburan yang semakin menurun, usaha perlu diambil untuk mewujudkan dasar-dasar yang mesra keluarga seperti:

- (i) Memperkukuhkan institusi keluarga melalui pendidikan, penerangan dan latihan; dan
- (ii) Mempertingkatkan kemudahan penjagaan anak bagi wanita yang bekerja bagi mengelakkan mereka daripada keluar dari pasaran buruh;
- (iii) Flexi-time perlu dilaksanakan bagi mengimbangi tanggungjawab kerja dan keluarga.

Pengetahuan dan amalan kesihatan reproduktif di Malaysia masih boleh dipertingkatkan lagi. Oleh yang demikian, langkah-langkah yang inovatif dan mendekati masyarakat harus diambil seperti:

- (i) Program penerangan dan pendidikan kesihatan reproduktif dipertingkatkan untuk membolehkan pasangan membuat keputusan sewajar tentang bilangan anak dan menjarakkan kelahiran dengan menggunakan kaedah yang selamat dan berkesan;
- (ii) Promosi berterusan agar orang ramai, termasuk remaja, mendapat maklumat dan perkhidmatan kesihatan reproduktif dari klinik kerajaan atau bukan kerajaan yang diiktiraf;
- (iii) Memperluaskan program kesihatan reproduktif untuk kumpulan yang berisiko tinggi, mereka yang berpendapatan rendah dan yang tinggal di kawasan luar bandar dengan mengadakan klinik bergerak; dan
- (iv) Mewujudkan satu sistem bagi memantau dan menilai perkhidmatan kesihatan reproduktif yang dijalankan oleh sektor swasta.

Kanser payudara dan pangkal rahim merupakan salah satu daripada pembunuh utama wanita masa kini. Walau bagaimanapun, hanya separuh daripada wanita menjalankan Pemeriksaan Sendiri Payudara dan Pap Smear bagi mengesan kanser. Kos rawatan kanser juga tinggi. Oleh yang demikian, inisiatif-inisiatif baru seperti::

- (i) Mempertingkatkan program saringan kesihatan reproduktif khususnya pengesanan barah payudara dan serviks terutamanya bagi kumpulan yang berisiko tinggi dan berpendapatan rendah;
- (ii) Memperbanyakkan perkhidmatan kaunseling terutama bagi pesakit kanser dan keluarga mereka; dan
- (iii) Menggalakkan Penyelidikan dan Pembangunan bagi teknologi mengesan kanser payudara dan pangkal rahim di peringkat awal.

Akibat daripada kecenderungan membentuk keluarga asas dan ramai wanita yang bekerja, ia telah memberi kesan kepada aturan penjagaan anak. Beberapa langkah-langkah perlu dilaksanakan bagi menangani hal penjagaan anak seperti:

- (i) Mempertingkatkan lagi kemudahan penjagaan anak di tempat kerja, berhampiran tempat kerja dan/atau berhampiran tempat kediaman;
- (ii) Memberi insentif pelepasan cukai kepada pengusaha pusat jagaan anak;
- (iii) Menyediakan infrastruktur untuk bekerja dari rumah; dan
- (iv) Meningkatkan sistem sokongan di peringkat komuniti untuk saling bantu membantu, khususnya dalam penjagaan anak.

Warga tua yang tinggal bersendirian perlu diberi perhatian dari segi penjagaannya seharian. Pihak berkuasa dan masyarakat setempat boleh sama-sama untuk menjaga kebajikan mereka seperti:

- (i) Menggalakkan peranan komuniti dalam penjagaan warga tua terutamanya yang tinggal bersendirian;
- (ii) Menggalakkan penglibatan warga tua dalam pertubuhan dan kerja-kerja amal;
- (iii) Mengkaji semula dasar perumahan untuk menggalakkan anak dewasa tinggal bersama atau berhampiran ibu bapa mereka;
- (iv) Bilangan pakar geriatrik serta keperluan perubatan kepada warga tua dipertingkatkan;
- (v) Menggalakkan skim perubatan selepas bersara diambil semasa bekerja;
- (vi) Mewujudkan struktur pekerjaan yang fleksibel untuk membolehkan warga tua bekerja; dan
- (vii) Mengadakan program kesihatan supaya dapat mewujudkan warga tua yang sihat dan produktif.

Lebih daripada separuh warga tua bersetuju untuk pergi ke pusat jagaan harian. Usaha-usaha berikut boleh dilaksanakan seperti:

- (i) Menambah bilangan pusat jagaan harian warga tua;
- (ii) Mengkaji semula peraturan yang sedia ada supaya keperluan warga tua diambil kira seperti Pusat Jagaan Harian Dalam Komuniti; dan
- (iii) Kos atau yuran pusat jagaan berpatutan mengikut kemampuan individu warga tua itu sendiri atau pun anak mereka.

Salah satu masalah utama dalam keluarga ialah mengenai anak remaja.

- (i) Memantapkan usaha dalam membuat perancangan program pembangunan untuk remaja;
- (ii) Menggalakkan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam program pemulihan remaja bermasalah;
- (iii) Media massa boleh memainkan peranan untuk menyeru para remaja untuk menjadi individu yang mempunyai tanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga dan negara; dan
- (iv) Melibatkan semua agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta dalam memerangi unsur-unsur negatif sosial yang berlaku khususnya di kalangan remaja.

RUMUSAN

KPKM-4 merupakan kajian yang unik memandangkan ianya direkabentuk untuk mengumpul maklumat antara generasi. Kajian ini juga kaya dengan maklumat-maklumat penduduk dan keluarga di Malaysia yang sememangnya sukar didapati memandangkan perlunya sampel yang besar untuk dikaji bagi menggambarkan situasi sebenar penduduk Malaysia dan sekaligus memerlukan kos yang tinggi untuk melaksanakan kajian seperti ini.

Dengan adanya kajian seperti ini, para penggubal dasar dan perancang dapat menggubal dasar-dasar dan merangka program-program yang dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk di Malaysia. Data kajian ini dianalisis LPPKN hanya pada tahap *primary analysis*.

Sehubungan dengan itu, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dan berkaitan, calon-calon sarjana dan PhD, dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO's) adalah dipelawa untuk menggunakan data KPKM-4 ini untuk dianalisis dengan lebih mendalam (*in-depth analysis*).

RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (2001), Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2001a), Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia, 2000.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, World Fertility Survey (WFS), Malaysia, 1974.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Penyiasatan Penduduk dan Keluarga, Malaysia, 1984.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Profil Penduduk , 1994.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Profil Keluarga, 1994.

United Nations (1983), Vienna International Plan of Action on Aging 1982, Vienna Austria.

United Nations ESCAP (2006), Population Datasheet 2006,